AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 1 PRINTED SIZE: 483.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,812.00 ITEM ID: MY0071313841



29 SEP, 2026

Harian Ekspres (KK), Malaysia

Penubuhan Pusat Kerjasama Malaria Zoonotik WHO di UMS

Satu pengiktirafan bagi Sabah



KOTA KINABALU: Penubuhan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan pencapaian penting untuk Sabah, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor (**gambar**).

Beliau berkata penetapan itu mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria.

"Ia mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria, khususnya kajian berkaitan *Plasmodium knowlesi*.

"Ia merupakan pencapaian yang bukan sahaja membawa pengiktirafan kepada UMS, malah Sabah dan Malaysia," katanya dalam ucapan ketika merasmikan pusat berkenaan di Galeri Majlis Bangunan Canselori UMS, Isnin.

Teks ucapan beliau dibacakan oleh Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Ceasar Mandela Malakun.

Ketua Menteri berkata Malaysia telah mencapai kemajuan ketara dalam kawalan dan pembasmian malaria, termasuk menghentikan penularan tempatan parasit malaria manusia.

"Namun, *Plasmodium knowlesi* menampilkan cabaran berbeza. Penularannya melibatkan interaksi kompleks antara manusia, beruk, nyamuk dan alam sekitar.

"Cabaran ini amat relevan kepada Sabah. Kepelbagaian biologi kita yang kaya serta interaksi rapat antara komuniti, hidupan liar dan persekitaran hutan bermakna kita perlu melihat melangkaui pendekatan tradisional dalam kawalan malaria," katanya.

Hajiji berkata menangani malaria zoonotik memerlukan pengawasan, penyelidikan dan kawalan vektor, selain pemahaman mengenai hidupan liar dan perubahan alam sekitar.

"Paling penting, ia memerlukan kerjasama merentas sektor. Di sinilah pendekatan One Health amat penting.

"Sebagai Pro-Canselor UMS, saya berbangga penubuhan pusat ini menghimpunkan kekuatan UMS, WHO, Kementerian Kesihatan Malaysia, Jabatan Kesihatan Sabah serta rakan kongsi di peringkat nasional dan antarabangsa.

"Kita mesti memastikan hasil penyelidikan membawa kepada penyelesaian praktikal dan tindakan kesihatan awam, di samping melabur dalam penyelidik muda dan profesional kesihatan yang akan meneruskan usaha ini," katanya.

Hajiji berkata Kerajaan Sabah menyokong penuh inisiatif yang memajukan penyelidikan, inovasi dan kerjasama antarabangsa.

"Pusat ini menunjukkan bagaimana institusi berasaskan Sabah dapat menyumbang kepada agenda kesihatan awam antarabangsa. Ia juga dapat membantu meletakkan Sabah sebagai platform serantau bagi kerjasama dalam malaria zoonotik dan One Health.

"Pengalaman Sabah boleh menjadi pengajaran kepada negara yang menghadapi cabaran sama, sebagaimana kita juga boleh belajar daripada rakan serantau dan antarabangsa. Pertukaran pengetahuan dan kepakaran ini akan mengukuhkan kita semua," katanya.

"Tahniah kepada UMS, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Pusat Penyelidikan Perubatan dan Kesihatan Borneo atas pencapaian penting ini. Syabas dan tahniah!" katanya.



MANDELA, mewakili Ketua Menteri, menyaksikan perasmian dan penandatanganan plak Pusat Kerjasama WHO oleh Pengarah Bahagian Promosi Kesihatan, Pencegahan dan Kawalan Penyakit, Who WPRO, Dr Huong Thi Giang Tran dan Naib Canselor UMS Profesor Datuk Dr Kasim Mohd Mansur, sempena pembukaan pusat tersebut.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

AUTHOR: No author available SECTION: TEMPATAN PAGE: 1 PRINTED SIZE: 483.00cm² REGION: KL
MARKET: Malaysia PHOTO: Full Color ASR: MYR 2,812.00 ITEM ID: MY0071313841



29 SEP, 2026

Satu pengiktirafan bagi Sabah

Harian Ekspres (KK), Malaysia

SUMMARIES

Penubuhan Pusat Kerjasama Malaria Zoonotik WHO di UMS
KOTA KINABALU: Penubuhan Pusat Kerjasama Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) bagi Malaria Zoonotik di Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan pencapaian penting untuk Sabah, kata Ketua Menteri Datuk Seri Hajiji Noor (gambar). Beliau berkata penetapan itu mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria. “la mengiktiraf kepakaran dan sumbangan UMS dalam penyelidikan malaria, khususnya kajian berkaitan Plasmodium knowlesi.

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.